

BERITA HARIAN

# Najib mahu Kelantan jadi pusat tamadun

## Rakyat perlu beri peluang BN terajui kerajaan negeri

Oleh Ismail Mat,  
Khairul Anuar Samad  
dan Wan Faizal Ismayatim

**K**UALA KRAI: Kerajaan merancang untuk menjadikan Kelantan sebagai pusat tamadun Islam baru yang gemilang jika Barisan Nasional (BN) dipilih untuk menerajui semula negeri itu pada pilihan raya umum akan datang.

Datuk Seri Najib Razak berkata, usaha itu bagi membuktikan Kerajaan Pusat bukan hanya menumpukan kepada pembangunan fizikal, malah turut memberi keutamaan kepada kemajuan Islam di Kelantan.

Sebagai langkah pertama ke arah itu, kata Timbalan Perdana Menteri, Kerajaan Pusat akan berusaha memperkasakan lagi institusi masjid di negeri ini dengan pembinaan lebih banyak rumah ibadat.

"Kita ada peluang untuk membina satu tamadun baru dan Kelantan boleh menjadi pusat Islam yang baru jika BN kembali memerintah selepas mendapat mandat daripada

da rakyatnya.

"Bila sampai masanya, dekat atau lama, kita ingin membangunkan negeri ini bukan saja dari segi fizikal, tetapi sebagai pusat tamadun Islam," katanya berucap pada majlis pecah tanah masjid baru An-Nur, Guchil, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Majlis Kemajuan Kelantan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Kelantan

**“ Kita ingin  
membangunkan  
negeri ini  
sebagai pusat  
tamadun Islam”**

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

Selatan (Kesedar), Datuk Ramzi Abdul Rahman.

Masjid baru yang membabitkan kos RM2.1 juta itu akan menggantikan masjid lama yang dirasmikan oleh bapa Najib, Tun Abdul Razak Hussein, ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri, kira-kira 40 tahun lalu.

Dengan pembinaan masjid baru ini, ia berupaya menampung kira-kira 2,000 jemaah berbanding masjid lama hanya 1,500 orang.

"Kita melihat Islam dalam pada ruang lingkup yang luas sebab kita bercita-cita membina satu tamadun Islam yang gagah perkasa serta cemerlang di Malaysia, bukan dari sudut sempit atau mempunyai agenda politik," katanya.

Beliau kecewa dengan sikap kerajaan Pas Kelantan yang melaungkan slogan Membangun Bersama Islam tetapi gagal membina sebuah masjid di negeri ini.

"Ada sebuah masjid yang dilancarkan ketika sambutan Jubli Perak Sultan Kelantan kira-kira tiga tahun lalu

di Rantau Panjang tetapi sehingga kini masih terbengkalai. Di mana letaknya slogan Membangun Bersama Islam dan di mana Serambi Makkah, kalau sebuah masjid pun tidak dapat disiapkan," katanya.

Pada majlis itu, Najib melahirkan rasa terharunya kerana kembali semula ke situ dalam keadaan berbeza berbanding ketika zaman ayahnya.

"Hari ini adalah majlis yang sentiasa lekat dalam ingatan saya kerana selepas 40 tahun perjuangan masih diteruskan. Nilai masjid yang diluluskan ayah saya ketika itu hanya RM40,000 tetapi sekarang saya luluskan RM2.1 juta," katanya.

Sementara itu pada majlis berasingan, Najib berkata, Kerajaan Pusat meluluskan peruntukan untuk baik pulih dan memperbesar Masjid Besar Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Mengkebang.

Katanya, Kerajaan Pusat tidak mempunyai agenda lain, selain hendak mengukuhkan perpaduan umat Islam dan kepentingannya dapat dipertahan.